

Pengaruh forex terhadap pelajar IPT

TREND masa ini memperlihatkan golongan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mula cenderung melibatkan diri dalam pelaburan forex atau urus niaga mata wang asing.

Perkembangan tersebut diakui sendiri pakar kewangan pengguna, **Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri** (gambar) yang melihat sebilangan pelajarannya mula berjinak-jinak dalam pasaran pertukaran mata wang asing.

“Faktor urus niaga forex yang mudah iaitu boleh dilakukan di mana-mana sahaja sama ada di rumah atau kafe siber menjadi tarikan mengapa begitu ramai mahu menyertai pelaburan itu. Asalkan ada komputer atau telefon pintar beserta akses internet, sudah cukup untuk melakukan urus niaga.

“Memandangkan pasaran forex dibuka 24 jam sehari maka, waktu dagangan itu memberi kemudahan kepada pemain forex sama ada pelajar mahupun mereka yang melakukannya secara sambilan di luar waktu kerja,” katanya yang juga Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Menurutnya, permulaan pelaburan tidak memerlukan modal besar jika dibandingkan dengan saham, pasaran hadapan atau komoditi, forex jauh lebih murah dari segi kos permulaannya.

“Bayangkan dengan serendah AS\$1 (RM4.40) hingga AS\$5 (RM22), sudah boleh buka



Memandangkan pasaran forex dibuka 24 jam sehari, maka waktu dagangan itu memberi kemudahan kepada pemain forex sama ada pelajar mahupun mereka yang melakukannya secara sambilan di luar waktu kerja.”

DR. MOHAMAD FAZLI SABRI

akaun. Ini menunjukkan pasaran forex mudah untuk diakses dan disertai berbanding dengan pasaran kewangan lain.


“Pasaran forex juga bersifat fleksibel iaitu pelabur menentukan sendiri saiz lot yang dikehendaki mengikut pilihan masing-masing selagi modal yang dimiliki mencukupi untuk melakukan urus niaga tersebut,” katanya.

Selain itu, katanya, faktor kecairan yang tinggi membuatkan pelabur tidak perlu

menunggu lama untuk menjual atau membeli satu-satunya pasangan mata wang.

“Klik sahaja pada komputer, urus niaga dapat dilakukan dalam masa beberapa saat sahaja. Malah, pelabur tidak perlu risau mencari penjual dan pembeli,” katanya.

Konsep pelaburan beli ketika harga murah dan jual ketika



ASALKAN ada komputer atau telefon pintar beserta akses internet, sudah cukup untuk melakukan urus niaga forex.

harga tinggi membolehkan pelabur menghasilkan keuntungan lumayan dengan mudah berdasarkan pergerakan naik dan turun mata wang.

“Berdasarkan faktor berkenaan, maka tidak hairan ramai individu termasuk pelajar cenderung untuk melabur dalam pasaran forex, apatah lagi kawalan sepenuhnya terletak pada pelabur itu sendiri tanpa melalui orang tengah atau dikuasai orang lain,” ujarnya.

Katanya, pelabur akan terus dihubungkan dengan pasaran yang menentukan harga sesuatu pasangan mata wang.

“Tinggal lagi mereka perlu memahirkan diri tentang pasaran forex dengan belajar sendiri sama ada melalui media sosial atau menghadiri kursus yang dianjurkan oleh mana-mana organisasi. Malah kebanyakan broker forex secara dalam talian juga menyediakan akaun ‘demo’ untuk bakal pelabur membuat latihan urus niaga, beserta berita terkini dan carta harga pasaran,” katanya.

Bagaimanapun disebabkan faktor-faktor tarikan itu, ada dalam kalangan pemain forex begitu ‘ketagih’ dalam pelaburan berkenaan sehingga sanggup membelakangkan hukum yang

ditetapkan.

“Walaupun fatwa sudah dikeluarkan berhubung operasi urus niaga forex dalam talian yang dijalankan oleh individu melalui broker dalam talian tidak menepati syarak, namun masih ramai pemain forex beragama Islam tidak mepedulikan fatwa tersebut.

“Malahan, pemain tegar forex cuba mengeluarkan ‘fatwa sendiri’, menghalalkan urus niaga tersebut.

“Ini semua berlaku disebabkan mereka terlalu taksub mengejar kekayaan atau keuntungan sehingga sanggup mengabaikan soal hukum,” katanya.